

LAWATAN KERJA RASMI TIMBALAN PANGLIMA TENTERA UDARA KE PANGKALAN UDARA LABUAN

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3291-lawatan-kerja-rasmi-timbalan-panglima-tentera-udara-ke-pangkalan-udara-labuan

LABUAN, 5 Apr 18- Timbalan Panglima Tentera Udara (TPTU), YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Pangkalan Udara (PU) Labuan. Antara aturcara program bagi lawatan kerja TPTU adalah taklimat ringkas berkenaan PU Labuan, lawatan ke Junior Rank Club, penyampaian sumbangan Menteri Pertahanan kepada Sekolah Kebangsaan Membedai, lawatan ke tapak bangunan sekolah baru, lawatan ke No 6 Skuadron dan lawatan ke No 14 Skuadron.

Semasa sesi makan tengahari bersama warga PU Labuan, TPTU telah menyampaikan ucapan serta amanat beliau kepada semua yang hadir. Antara perkara yang dititikberatkan adalah sikap integriti dikalangan warga TUDM ketika melaksanakan tugas, menghidupkan budaya kerja yang cemerlang dikalangan pegawai dan anggota TUDM, larangan keras terhadap penggunaan najis dadah dan beliau juga memandang berat terhadap isu keberhutangan yang serius yang boleh menjaskankan prestasi kerja, keselamatan dan keluarga anggota.



